



HALFBOARD

QATAR

11 Hari 9 Malam RUSSIA SCANDINAVIA

2M Moscow – 1mM St.petersburg – Pushkin – IM Helsinki – 2M Stockholm
– 1M Oslo – Bygdoy – 2M Copenhagen

HARI 01



KUALA LUMPUR – DOHA – MOSCOW

- Berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk menaiki penerbangan ke **Moscow**. (Transit di Doha)
 - Setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Demodedovo Moscow, tetamu di bawa melawat sekitar kota **Kremlin** yang merupakan lambang budaya ikonik, masyarakat dan seni bina Russia. Kremlin di dalam bahasa Russia ini membawa maksud benteng yang telah dinamakan pada tahun 1147. Disenaraikan di dalam Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO pada tahun 1990, kompleks bangunan yang dikelilingi tembok ini terdapat beberapa bangunan iaitu istana, gudang senjata, gereja dan lain-lain lagi.
 - Di dalam kompleks ini, tetamu di bawa melawat **Spasskaya Tower** yang merupakan menara masuk yang dibina pada tahun 1491, **Ivan The Great Bell Tower** adalah menara gereja di dalam kompleks Kremlin Moscow dengan ketinggian 81 meter, Tsar Bell merupakan locong tembaga gergasi seberat 202kg, **Tsar Cannon** merupakan sebuah meriam gergasi, **Grand Kremlin Palace** merupakan kediaman rasmi Presiden Russia.
 - Seterusnya tetamu di bawa melawat ke **Armoury Chamber**, sebuah muzium yang mempamerkan pelbagai koleksi Tsar-Tsar Russia seperti pakaian, barangan kemas, permata dan banyak lagi.
- Kemudian membeli belah cenderamata di **Arbat Street** dan tetamu berpeluang melihat pemuzik jalanan memainkan irama muzik, penyair, pelukis serta deretan kafe-kafe. Tetamu juga berpeluang ke **Hard Rock Café**.
- Makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel. Bermalam di Moscow.

HARI 02



MOSCOW

- Sarapan pagi di hotel.
- Memulakan lawatan ke sekitar kota **Moscow** antaranya **Sparrow Hill** di mana tetamu berpeluang mengambil gambar panorama kota ini dari atas bukit, **Moscow State University**, melalui Victory Park yang dibina sebagai tanda kejayaan The Red Army menewaskan tentera Nazi, **Memorial Mosque** yang dibina bagi memperingati tentera Soviet Union beragama Islam yang terkorban ketika perang dunia ke-2.
- Bersolat di **Moscow Cathedral Mosque** yang siap dibina pada tahun 2015 serta masjid terbesar di benua Eropah dan telah dirasmikan oleh Presiden Russia, Turki dan Palestin.
- Seterusnya di bawa melawat ke sekitar **Red Square** yang menempatkan bangunan ikon kota ini serta cukup tersohor dengan binaannya yang memukau serta berwarna – warni iaitu **St.Basil's Cathedral** disamping makam tokoh Russia Lenin's Mausoleum.
- Seterusnya tetamu di bawa membeli belah di **GUM Department Store** yang terkenal dengan pelbagai barangan berjenama. Makan malam di restoran tempatan dan kembali ke hotel. Bermalam di Moscow.

HARI 03



MOSCOW – ST.PETERSBURG

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Bertolak menuju ke stesen keretapi Moscow – Leningradsky Railway Station untuk menaiki keretapi laju **Sapsan** menuju ke kota St.Petersburg yang pernah menjadi ibu negara Russia sebelum Moscow.
- Setibanya di **St.Petersburg**, tetamu di bawa melawat ke sekitar antaranya Peter & Paul Fortress yang merupakan kota asal pertahanan di Saint Petersburg, dibina oleh Peter the Great pada 1703. Peter merupakan pemerintah yang memerintah Russia dari tahun 1682 hingga 1696, **St. Isaac's Cathedral & Colonnade**, monumen Bronze Horseman & Thunder Stone.



- Bersolat di **St.Petersburg Mosque** dan seterusnya tetamu di bawa melawat ke **Hermitage Museum** yang cukup terkenal sebagai sebuah muzium seni yang menyimpan pelbagai artifak bersejarah termasuklah karpet buatan tangan orang Parsi yang berusia ribuan tahun.
- Makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel. Bermalam di St.Petersburg.

HARI 04



ST.PETERSBURG – PUSHKIN – HELSINKI

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Bertolak menuju ke Pushkin untuk melawat istana yang cukup indah seni binanya dan rekaan dalamnya yang serba mewah iaitu Catherine Palace. Ia adalah kediaman musim panas tsar Russia.
- Bersolat di St.Petersburg Mosque sebelum bergerak menuju Finlyandsky Station St.Petersburg untuk menaiki keretapi laju Allegro menuju ke Helsinki di negara Finland.
- Setibanya di Helsinki, makan malam di restoran tempatan.
- Daftar masuk hotel dan bermalam di Helsinki.

HARI 05



HELSINKI – STOCKHOLM

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Memulakan lawatan panorama sekitar **Helsinki** seperti **Helsinki City Hall**, Presidential Palace yang merupakan kediaman rasmi presiden Republik Finland, **Rock Church** di mana reka bentuk interior gereja ini dibuat dengan batu padat dan memberikan cahaya indah ke bahagian dalam gereja, **Sibelius Park** yang menempatkan ukiran tersohor kota ini iaitu Sibelius Monument yang dibuat dari 600 batang besi paip, **Finlandia Hall**, **Senate Square** yang terletak di kawasan paling tua di bandar ini dengan dikelilingi oleh banyak bangunan bersejarah seperti **Helsinki Cathedral**, **Government Palace**, **Sederholm House**.
- Bersolat di Helsinki Islam Keskus sebelum di bawa membeli belah di **Stockmann** dan **Forum Department Store** yang menawarkan pelbagai barangan dan kelengkapan dan peribadi. Tetamu juga berpeluang ke **Hard Rock Café**.
- Sebelum bertolak menuju ke pelabuhan untuk menaiki kapal persiaran, tetamu di bawa membeli belah cenderamata di **Market Square Kauppatori**.
- Bertolak menuju ke pelabuhan untuk menaiki kapal persiaran **Silja Line Cruise** menuju ke ibu negara Sweden, Stockholm.
- Makan malam tradisi Smorgasboard dan bermalam di atas kapal.

HARI 06



STOCKHOLM

- Sarapan pagi di dalam kapal persiaran.
- Setibanya di **Stockholm**, tetamu di bawa ke **Drottningholm Castle** untuk berfoto sekitar kawasan istana yang merupakan sebuah istana milik keluarga diraja Sweden pada musim panas.
- Bersolat di **Stockholm Mosque** dan meneruskan lawatan ke **Royal Palace** yang merupakan kediaman rasmi keluarga diraja sejak tahun 1760 lagi, disebelahnya terletak bangunan **Riksdagshuset** yang cukup gah binaannya sebagai tempat parlimen bersidang.
- Berfoto di **Nobel Museum** dan seterusnya tetamu di bawa melewati **Stadhuset City Hall**.
- Seterusnya membeli belah di **Vasterlanggatan** yang terletak di Old Town Stockholm.Terdapat pelbagai barangan yang dijual seperti pakaian, kasut, beg, cenderahati dan banyak lagi serta terdapat juga café-café.
- Makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel. Bermalam di Stockholm.

HARI 07



STOCKHOLM - OSLO

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Bertolak ke Stockholm Central Station untuk menaiki kereta laju **SJ Train** menuju ke ibu kota Norway, Oslo. Setibanya di Oslo, tetamu di bawa melawat tarikan-tarikan utama seperti **Oslo Opera House** yang cukup unik binaannya, **Vigeland Sculpture Park** yang merupakan taman berkeluasan 80 ekar dan terdapat monument-monumen terkenal di sekitarnya seperti Angry Boy, The Monolith dan banyak lagi.
- Tetamu juga di bawa berfoto di **Akershus Fortress** yang dahulunya kubu pertahanan untuk melindungi wilayah kota Oslo, ibu kota kerajaan Norwegia pada saat itu serta melalui **Nobel Peace Center**. Bersolat di **Norway Islamic Cultural Centre** dan meneruskan lawatan ke **Oslo Radhus City Hall** yang cukup unik binaannya. Tetamu juga berpeluang membeli belah di sekitar kawasan ini seperti cenderahati, pakaian dan lain-lain.
- Makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel. Bermalam di Oslo.

HARI 08



OSLO - BYGDOY - COPENHAGEN

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Bertolak menuju ke **Bygdoy**, merupakan sebuah tempat yang menempatkan pelbagai jenis muzium yang setiap satunya mempunyai pelbagai tarikan dan sejarah yang tersendiri. Tetamu di bawa melawat ke **Norsk Folkemuseum**, museum ini menampilkan berbagai macam artifak yang berkaitan dengan kebudayaan tradisional berbagai etnik Norwegia. Sebahagian besar area museum ini menggunakan konsep open-air yang menampilkan sekitar 150 rumah tradisional dari berbagai budaya di seluruh wilayah negara ini. Seterusnya tetamu di bawa melawat ke **Viking Ship Museum**, museum ini terdapat berbagai macam kapal yang digunakan oleh bangsa Viking di masa lampau. Beberapa artifak utama yang dipamerkan adalah kapal Viking Oseberg, Gokstad dan Tune. Tetapi yang paling utama adalah kapal Oseberg, kapal yang berukuran besar yang diambil dari situs arkeologi di Tonsberg. Selain itu, di museum ini juga terdapat artifak-artifak bangsa Viking lainnya seperti kereta kuda dan ukiran kayu.
- Bersolat di **Norway Islamic Cultural Centre** sebelum menuju ke pelabuhan untuk menaiki kapal persiaran **DFDS Ferry** menuju ke ibu negara Denmark, Copenhagen. Makan malam tradisi Smorgasbord dan bermalam di atas kapal.

HARI 9



COPENHAGEN

- Sarapan pagi di dalam kapal persiaran.
- Setibanya di **Copenhagen**, tetamu di bawa berfoto ke sekitar kota Copenhagen antaranya seperti **Little Mermaid Statue** yang cukup terkenal sebagai simbolik kepada mitos kewujudan duyung di sini, **Gefion Fountain** yang merupakan air pancut yang besar di Copenhagen dan di tengahnya terdapat tugu sekumpulan besar haiwan, **Christiansborg Palace** yang merupakan Parlimen, Pejabat Perdana Menteri Denmark dan Mahkamah Agung Denmark, **Rosenborg Castle** yang dahulunya merupakan istana rasmi diraja Denmark, **Amalienborg Palace**, **Frederiksborg Castle**.
- Bersolat di **Grand Mosque Copenhagen**.
- Meneruskan lawatan ke **Nyhavn** (New Harbour Copenhagen), dulunya adalah sebuah pelabuhan di mana kapal-kapal yang datang dari seluruh pelusuk dunia akan berlabuh di sini. Tetapi sekarang Nyhavn telah berubah dan telah diubahsuai menjadi bangunan yang cantik penuh warna warni, **Copenhagen City Hall** (Kobenhavns Radhus). Bangunan ini terletak di The City Hall Square di pusat bandar Copenhagen dan bangunan ini pernah digunakan untuk rakaman siri TV Denmark seperti "The Killing" dan "Borgen".
- Makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel. Bermalam di Copenhagen.

HARI 10



COPENHAGEN - DOHA

- Sarapan pagi di hotel.
- Tetamu di bawa ke kawasan **Stroget** dan diberi masa bebas untuk membeli belah di sekitar kawasan ini serta berpeluang ke **Hard Rock Café**. Kembali ke hotel dan bersiap – siap untuk daftar keluar hotel. Bertolak ke Lapangan Terbang Copenhagen untuk menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur. (Transit di Doha)

HARI 11

DOHA - KUALA LUMPUR

- Selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

HARGA PAKEJ

HARGA SEORANG MENGIKUT

BILIK SEORANG	BILIK BERDUA	KANAK KANAK BERDUA	KANAK KANAK BERKATIL	KANAK KANAK TANPA KATIL
RM 14188	RM 12488	RM 11888	RM 11388	RM 9288

**Semua harga pakej yang ditawarkan di sini adalah tertakluk kepada perubahan semasa kadar tukaran matawang Ringgit Malaysia (MYR) dengan matawang US Dollar (USD) dan Euro (EUR). Harga pakej akan berubah sekiranya kadar tukaran semasa Telegraphic Transfer (TT rates) pihak bank melebihi USD1 = MYR4.15, EUR1 = MYR5.00 dan RMB1 = MYR0.65. Notis secara rasmi akan diberikan kepada pelanggan yang telah menempah pakej tersebut dalam tempoh 30-45 hari sebelum berlepas.

INFO PENERBANGAN



TARIKH PENERBANGAN

24 Ogos

HARI	PESAWAT	DESTINASI	ETD	ETA
01	QR 853	KL - Doha	0250	0530
01	QR 233	Doha - Moscow	0645	1155
10	QR 160	Copenhagen - Doha	1740	0045+1
11	QR 848	Doha - KL	0225	1530

TARIKH PENERBANGAN

30 Sep

HARI	PESAWAT	DESTINASI	ETD	ETA
01	QR 853	KL - Doha	0250	0530
01	QR 233	Doha - Moscow	0645	1155
10	QR 160	Copenhagen - Doha	2235	0540
11	QR 848	Doha - KL	0900	2150

#Waktu penerbangan tertakluk kepada perubahan semasa.

INFO HOTEL



Moscow	Legendary Hotel Sovietsky / setaraf	★★★★★
St.Petersburg	Moscow Hotel / setaraf	★★★★★
Helsinki	Original Sokos Hotel Pasila / setaraf	★★★★★
Helsinki - Stockholm	Silja Line Cruise	CABIN
Stockholm	Quality Friends Hotel / setaraf	★★★★★
Oslo	Park Inn by Radisson Hotel / setaraf	★★★★★
Oslo - Copenhagen	DFDS Ferry	CABIN
Copenhagen	Comfort Hotel Vesterbro / setaraf	★★★★★

PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi beserta cukai lapangan terbang.
- Penginapan 7 malam yang selesa di hotel bertaraf 4* (rujuk jadual senarai hotel).
- Penginapan 1 malam di dalam kapal persiaran Silja Line Cruise.
- Penginapan 1 malam di dalam kapal persiaran DFDS Ferry.
- Makanan sesuai Muslim seperti yang terdapat di dalam aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran yang selesa dan lawatan seperti aturcara.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: Armoury Chamber, Hermitage Museum, Catherine Palace, Norsk Folkemuseum, Viking Ship Museum.
- Tiket menaiki kereta laju Sapsan dari Moscow ke St.Petersburg.
- Tiket menaiki kereta laju Allegro dari St.Petersburg ke Helsinki.
- Tiket menaiki kereta laju SJ Train dari Stockholm ke Oslo.
- Urusan visa memasuki Russia.
- Perkhidmatan pemandu pelancong berbahasa Inggeris yang berpengalaman.
- Tip kepada pemandu pelancong dan kapten bas persiaran.
- Diiringi ketua rombongan dari Kowamas Holidays Sdn. Bhd. yang terlatih.
- Percuma beg kembara Kowamas Holidays Sdn. Bhd. setiap seorang (kecuali bayi)
- Insurans kembara (travel insurance)

PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Surcuj tambahan ketika musim puncak, perayaan dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti dobi, mini bar dan perkhidmatan porter dll.
- Makanan dan lawatan termasuk tiket selain yang dinyatakan dalam aturcara.
- Bayaran tambahan bagi lebihan had bagasi yang di bawa.
- Lain-lain perkara yang tidak dinyatakan di dalam aturcara.

DEPOSIT & PEMBAYARAN

- Deposit **RM2000** seorang diperlukan selepas 5 hari tempahan disahkan. Pembayaran baki harga penuh pakej perlu dilakukan 45 hari sebelum berlepas. Sekiranya pembayaran penuh gagal dilakukan dalam tempoh tersebut, Kowamas Holidays berhak membatalkan tempahan tersebut dan mengenakan caj admin mengikut jadual dibawah.

HARGA PAKEJ	AMAUN DEPOSIT	TEMPOH PERLU DIBAYAR	BAKI DEPOSIT	CAJ ADMIN
Bawah RM 1999	RM 300	5 hari selepas tempahan disahkan	45 hari sebelum berlepas	RM 150
RM 2000 – RM 3999	RM 500			RM 250
RM 4000 – RM 5999	RM 1000			RM 500
RM 6000 – RM 7999	RM 1500			RM 700
RM 8000 & ke atas	RM 2000			RM 1000

PEMBATALAN TEMPAHAN

- Pembatalan tempahan hendaklah dibuat secara bertulis atau e-mel dalam mengelakkan sebarang kesilapan komunikasi.
- Sekiranya ingin membuat pembatalan, mesti dibuat 45 hari atau lebih sebelum tarikh berlepas. Caj pembatalan adalah seperti jadual di bawah :

Caj Pembatalan	
Tempoh	Caj Pembatalan
45 hari atau lebih sebelum berlepas	Pemulangan deposit selepas caj admin ditolak
30 – 44 hari sebelum berlepas	Tiada pemulangan deposit
21 – 29 hari sebelum berlepas	50% dari harga pakej
15 – 20 hari sebelum berlepas	75% dari harga pakej
Bawah 15 hari sebelum berlepas	100% dari harga pakej

NOTA PENTING

- Harga yang disenaraikan adalah tertakluk kepada perubahan mata wang, surcaj bahan api dan cukai lapangan terbang.
- Kami berhak untuk mengubah atau meminda perjalanan dengan atau tanpa notis terlebih dahulu.
- Semua penerbangan dan hotel adalah tertakluk kepada perubahan sehingga pengesahan akhir.
- Tidak semua hotel menyediakan cerek elektrik dan kemudahan seterika.
- Tidak semua hotel mempunyai bilik untuk 3 orang sebilik. Oleh itu, tempat tidur tambahan akan ditambah hanya pada bilik berdua.
- Pasport mesti sah untuk sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh perjalanan.
- Adalah menjadi tanggungjawab ahli-ahli lawatan untuk memastikan bahawa nama mereka tidak disenarai hitam oleh mana-mana badan-badan kawal selia di Malaysia yang boleh melarang perjalanan ke luar negeri.
- Kowamas Holidays Sdn Bhd tidak akan bertanggungjawab sekiranya mana-mana anggota pelancongan tidak dibenarkan meneruskan perjalanan oleh Imigresen Malaysia dan tambang tidak akan dibayar balik.
- Semua makanan yang disebut dalam program kami adalah sesuai untuk Islam, KECUALI untuk sarapan pagi yang biasanya berdasarkan menu piawai bufet Antarabangsa Semua yang dinyatakan diatas adalah termaktub pada Terma dan syarat Kowamas Holidays Sdn Bhd.

MAKLUMAT AKAUN



Bank : **MAYBANK BERHAD**
Penerima : **KOWAMAS HOLIDAYS SDN BHD**
No Akaun : **5625 6230 4881**

KOWAMAS HOLIDAYS SDN BHD (526807 M) (KPL/LN 6961)

HQ OFFICE

Unit 301 Block A, Level 3, Kelana Business Centre,
97 Jalan SS7/2, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor

☎ 03-78030170 | 📠 03-78031260 | ✉ info@kowamasholidays.com

KOTA BHARU BRANCH OFFICE

Lot 2, Ground Floor, Hotel Perdana, Kota Bharu,
Jalan Mahmood, 15200 Kota Bharu, Kelantan

☎ +6012 960 5230 (salam) | ✉ kotabharu@kowamasholidays.com

JOHOR BAHRU BRANCH OFFICE

G-09D(B), Ground Floor, Puteri Harbour,
Persiaran Puteri Selatan, 79000 Iskandar Puteri, Johor

☎ +6019 331 1079 | ✉ johorbahru@kowamasholidays.com

*Harga tertakluk kepada perubahan tukaran matawang asing semasa

*Tarikh tertakluk kepada surcaj tambahan. Sila hubungi CS Dept kami.